

Headline	Tabung Haji beri perkhidmatan terbaik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Apr 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	6	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	125 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,629
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,886



Tabung Haji beri perkhidmatan terbaik

'ASIR PUTEH 24 April - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) masih menerjukalkan perkhidmatan yang sama termasuk memberikan 'subsidi' kira-kira 45 peratus kepada bakal haji di negara ini biarpun kos pengurusan untuk menuaikan Rukun Islam kelima itu meningkat pada setiap tahun.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wadi Dusuki berkata, malah kerajaan melalui Tabung Haji juga telah menambah baik perkhidmatan yang diberikan kepada bakal haji tanpa melibatkan penambahan kos.

Beliau berkata, kos untuk menuaikan haji di negara ini ialah RM9,980 berbanding negara-negara ASEAN lain yang mengenakan bayaran di antara RM15,512 hingga RM54,000 seorang.

"Di negara kita Tabung Haji mem-

berikan subsidi sebanyak RM8,910 bagi meringankan bebanan rakyat selain menyediakan pengurusan dan perkhidmatan yang cekap.

"Terdapat sesetengah bakal haji di negara jiran mereka terpaksa pula menanggung kos perubatan sendiri berbanding Tabung Haji yang memberikan kos perubatan secara percuma semasa menuaikan ibadah itu sepanjang berada di Tanah Suci," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kursus haji peringkat Jajahan Pasir Puteh di Masjid Ibrahim, di sini hari ini.

Lebih 700 bakal haji dari daerah Machang, Bachok dan Besut, Terengganu menyertai majlis perasmian kursus tersebut.

Hadir sama, Pengarah Tabung Haji negeri, Wahyudin Tamami.

Menurut Asyraf Wajdi, bakal haji negara ini turut diberi jaminan tinggal di hotel yang selesa tidak melebihi satu kilometer dari Masjidil Haram bagi memudahkan mereka menuaikan ibadah itu pada tahun ini.

"Setiap bakal haji mestilah menerjukalkan disiplin yang tinggi mulai sekarang sebagai persediaan kemungkinan menghadapi kejadian luar jangka sebagaimana tragedi kren tumbang dan rempuhan di Mina yang mengorbankan nyawa pada musim haji tahun lepas.

"Mereka juga diminta tidak mudah menerima berita yang disebarluaskan oleh media sosial yang belum pasti kebenarannya dan sentiasa mengikuti jemaah yang lain khususnya di bawah pengawasan dan nasihat dari pegawai Tabung Haji," katanya.